



8 Hari 6 Malam

JEPUN 4 BANDAR

All-In

Dari

RM **5,888**

TARIKH PERLEPASAN

21 Nov | 13 Dec



K. Lumpur – Tokyo (Haneda)	1440	2230
Osaka – K. Lumpur	2200	0345+1

*Jadual penerbangan tertakluk kepada perubahan

TOKYO – FUJI – OSAKA – KYOTO – NARA

HARI 1: KUALA LUMPUR – TOKYO

Berkumpul di KLIA2 4 jam sebelum masa penerbangan untuk urusan daftar masuk. Berlepas dari Kuala Lumpur ke Tokyo. Tiba di Tokyo, check-in hotel dan bermalam di Tokyo.

HARI 2: TOKYO – ASAKUSA

Menaiki tren ke Asakusa. Melawat **Sensoji**, Kuil Buddha yang dibina pada kurun ke-7. Meneruskan perjalanan ke **Nakamise Street** untuk membeli pelbagai jenis cenderahati. Kemudian singgah di **Jambatan Azumabashi** untuk bergambar berlatar belakang **Tokyo Skytree**, bangunan tertinggi di Jepun. Seterusnya melawat **Masjid Okachimachi** untuk solat. Acara bebas untuk shopping di **Ameyoko Shopping Street** sebelum pulang ke hotel. Bermalam di Tokyo.

*Nota: Lawatan ke **Ueno Park** pada Musim Sakura sahaja*

HARI 3: TOKYO KAWAGUCHI – FUJI

Bertolak ke **Tasik Kawaguchi** menggunakan bas awam. Tiba di Stesen Kawaguchi, aktiviti bebas untuk bergambar dan bersiar-siar menikmati pemandangan **Gunung Fuji**. Kemudian berjalan ke **Kachi Kachi Ropeway** dan mendaki ke puncak **Gunung Tenjo** dengan ketinggian 1000 meter untuk menikmati pemandangan Gunung Fuji dengan lebih dekat dan jelas. Pulang ke hotel dan bermalam di Tokyo.

HARI 4: TOKYO – OSAKA

Bertolak ke dari Tokyo ke Osaka menaiki **Bullet Train (2H45M)**. Tiba di Osaka, check-in hotel dan bermalam di Osaka.

HARI 5: OSAKA – NARA

Menaiki tren ke Nara. Tiba di Nara, melawat **Nara Park** untuk bergambar dengan rusa-rusa liar yang jinak berkeliaran di sini. Lawatan diteruskan ke **Tempozan Harbor Village** dan menaiki **Cruise Santa Maria** sambil menikmati pemandangan Pelabuhan Osaka yang bersih dan tersusun rapi. Kemudian menaiki **Tempozan Ferris Wheel** dengan ketinggian 112 meter, merupakan Ferris Wheel terbesar di dunia. Seterusnya aktiviti bebas untuk shopping di **Shinsaibashi Street**, merupakan shopping street terbesar dan tersibuk di Osaka. Pulang ke hotel dan bermalam di Osaka.

HARI 6: OSAKA – KYOTO

Menaiki tren ke Arashiyama Kyoto. Lawatan dimulakan dari Stesen Hankyu Arashiyama berjalan menyusuri keindahan pekan kecil Arashiyama ke **Arashiyama Bamboo Forest**, merupakan Hutan Buluh terkenal di dunia sambil melintasi **Togetsukyo Bridge**, jambatan tertua di Arashiyama dibina pada tahun 794. Kemudian melawat **Fushimi Inari Taisha**, kuil Shinto yang terkenal dengan Sembon Tori (1000 gate) yang berwarna oren. Pulang ke hotel dan bermalam di Osaka.

HARI 7: OSAKA – KUALA LUMPUR

Aktiviti bebas sehingga dihantar ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang. Berlepas dari Osaka ke Kuala Lumpur.

HARI 8: KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur

Nota: Jadual perjalanan tertakluk kepada perubahan.

HARGA PAKEJ SEORANG DALAM RINGGIT MALAYSIA (RM)

TARIKH PERLEPASAN	DEWASA (Twin / Triple)	DEWASA (Single)	KANAK-KANAK (With Bed)	KANAK-KANAK (No Bed)
NOV: 21	5,888	6,888	5,588	5,288
DEC: 13	5,888	6,888	5,588	5,288

** Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah

** Bayi berumur 2 tahun dan ke bawah **RM1,000/pax**

HARGA PAKEJ TERMASUK

- ✓ Tiket penerbangan pergi & balik termasuk cukai
- ✓ Elaun bagasi 20kg
- ✓ 4 malam penginapan hotel / apartment
- ✓ Pengangkutan bas dan tren awam
- ✓ Tiket masuk ke tempat-tempat lawatan
- ✓ Tour guide berbahasa Melayu/Inggeris
- ✓ Tour leader dari Shahmie Travel (Min 15 Pax)
- ✓ Cenderahati beg kembara dari Shahmie Travel

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- ✗ Bayaran tip **RM150/pax** (Wajib)
- ✗ Insuran perjalanan RM52/pax (Optional)
- ✗ Optional tour
- ✗ Makan dan minum sepanjang lawatan
- ✗ Porter
- ✗ Caj lebihan bagasi
- ✗ Perbelanjaan peribadi
- ✗ Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan

TERMA & SYARAT

Prosedur Tempahan & Terma Bayaran:

- i. Memberikan maklumat tempahan seperti nama, no telefon, e-mel, nama pakej, tarikh pilihan, jumlah peserta, dan sebagainya melalui aplikasi 'whatsapp' atau e-mel ke sales@shahmietravel.com.my
- ii. Bayaran **deposit pertama RM500.00** seorang semasa membuat tempahan (Non-Refundable)
- iii. Bayaran **deposit kedua RM1,000.00** perlu dibayar **90 hari** sebelum tarikh perlepasan
- iv. Baki ATAU bayaran penuh hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya **45 hari** sebelum tarikh perlepasan beserta semua dokumentasi berkaitan tempahan.
- v. Sekiranya kami tidak menerima bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan, Shahmie Travel & Tours berhak membatalkan tempahan dan bayaran deposit tidak akan dikembalikan.
- vi. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai / Deposit Tunai / 'Online Transfer' ke akaun bank berikut:
 - Nama Akaun : SHAHMIE TRAVEL & TOURS SDN BHD**
 - Nama Bank : MAYBANK (TTDI BRANCH)**
 - Nombor Akaun : 5642 7651 2763**
- vii. Sila lampirkan bersama slip bayaran setelah pembayaran dibuat.
- viii. Bayaran secara kad kredit / debit **TIDAK** diterima.

Terma Perubahan & Pembatalan:

- Shahmie Travel & Tours mesti dimaklumkan secara bertulis tentang sebarang perubahan dan pembatalan. Notis perubahan dan pembatalan akan dianggap telah diterima selepas pengesahan dari Shahmie Travel & Tours.
- Sebarang perubahan kali pertama dibenarkan tanpa sebarang caj dan Shahmie Travel & Tours mesti dimaklumkan selewat-lewatnya **61 hari** dari tarikh pelepasan asal. Shahmie Travel juga hendaklah dimaklumkan tentang perubahan baru tersebut dalam tempoh **14 hari** selepas notis perubahan dibuat.
- Sekiranya berlaku perubahan kali kedua, tempahan akan dianggap terbatal dan deposit tidak akan dikembalikan serta hangus.
- Sekiranya tempahan yang disahkan dibatalkan sepenuhnya / sebahagiannya oleh peserta, caj pembatalan akan dikenakan seperti berikut:
 - 91 hari ke atas sebelum tarikh perlepasan : Deposit tidak dikembalikan dan hangus**
 - 46 – 90 hari sebelum tarikh perlepasan : Deposit pertama tidak dikembalikan dan hangus**
 - 45 hari sebelum tarikh perlepasan : Caj 100% dari harga pakej**
- Sekiranya peserta "No Show", tiada bayaran balik sepenuhnya atau sebahagiannya akan diberikan untuk perkhidmatan dalam program yang tidak digunakan.